

Kemunculan paus bungkuk di Pulau Redang kali pertama direkodkan

Zatul Iffah Zolkiply

zatuliffah@hmetro.com.my



Tangkap layar paus dipercayai spesies Humpback Whale atau paus bongkok di Pulau Redang. FOTO TULAR MEDIA SOSIAL

Kuala Terengganu: Seekor paus dipercayai spesies Humpback Whale (megaptera novaeangliae) di Pulau Redang yang tular di media sosial sejak semalam adalah mamalia yang melakukan penghijrahan atau migrasi paling jauh berbanding mana-mana haiwan mamalia lain.

Pensyarah Program Biologi Marin dan Penyelidik Bersekutu Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Maizah Mohd Abdullah berkata, kemunculan spesies yang juga dikenali sebagai paus bungkuk itu boleh dianggap istimewa kerana tidak pernah dilaporkan sebelum ini.

"Walaupun agak sukar mengecam spesies paus itu kerana rakaman video pendek dan kurang jelas menunjukkan bahagian kepala atau ekor paus itu tetapi pengecaman pada bentuk sirip dorsal menunjukkan ia adalah spesies Humpback Whale atau paus bungkuk."

"Untuk rekod, spesies ini boleh dijumpai di perairan dalam di seluruh dunia namun populasi yang paling hampir dengan perairan Malaysia adalah dari kawasan Western North Pacific."

"Populasi paus bungkuk ini dilaporkan menggunakan perairan Okinawa, Jepun dan Filipina untuk membiak dan di Malaysia, ia pernah dilaporkan ditemui di perairan Pangkor, Perak dan Miri, Sarawak," katanya ketika dihubungi Maizah berkata, tiada bukti yang cukup untuk

menyatakan perairan di negeri ini menjadi laluan mamalia marin itu memandangkan ia adalah kemunculan kali pertama spesies itu di Pulau Redang.

Katanya, pihaknya tidak mempunyai maklumat saintifik berkenaan lokasi laluan spesies Humpback Whale di perairan Pulau Redang.

"Bagaimanapun, ia bukan sesuatu yang mustahil untuk berlaku kerana lokasi Pulau Redang berada tidak begitu jauh dengan kawasan perairan Western North Pacific yang menjadi salah habitat populasi Humpback Whale.

"Jadi adalah penting sebarang kemunculan Humpback Whale atau mana-mana spesies mamalia marin dapat dilaporkan kepada pihak berkaitan supaya data itu dapat dikumpulkan untuk memerhati jika terdapat perubahan pada pola migrasi spesies marin terancam ini.

"Kemunculan haiwan mamalia marin yang berkarisma seperti Humpback Whale ini memberi mesej bahawa tidak kira di mana kita berada, setiap ahli masyarakat perlu bersama-sama menjaga kelestarian lautan.

"Nasihat saya kepada warga tempatan adalah untuk berhati-hati ketika mengadakan aktiviti di perairan berhampiran dan jika terserempak dengan mana-mana spesies haiwan marin terancam seperti ini, perlulah memperlahangkan bot dan tidak cuba untuk menghampiri haiwan ini dengan terlalu rapat," katanya.

Semalam, tular video berdurasi 44 saat yang memaparkan penemuan mamalia laut itu di muat naik pengguna TikTok menggunakan akaun @akihiro_san28 di Pulau Redang.

Suara latar dalam video itu menyebut, "Ikan paus, ikan paus, ikan paus, ikan paus, turun ma, selam pergi sana ikan paus," berulang beberapa kali menarik perhatian netizen.

Disiarkan pada: September 15, 2024 @ 4:07pmgi.